

# Wang bukanlah segala-galanya bagi saya — Dr. Mahathir

Oleh ZUHAIRI ALI

UM 9 JUL 2002

KUCHING 8 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, wang bukanlah segala-galanya bagi beliau, sebaliknya melihat negara makmur di bawah kerajaan yang stabil adalah yang paling memuaskan hatinya.

“Gaji saya cuma RM16,000 sahaja, kita minta lebih pun tak dibagi sedangkan orang yang bekerja di bawah saya memperoleh RM50,000 hingga RM60,000 tetapi mereka masih bekerja di bawah saya.

“Apa yang paling memuaskan hati saya ialah saya dapat melihat hasilnya.

“Kalau jadi Perdana Menteri tetapi negara sendiri mundur, kita tidak akan gembira. Tetapi kalau semuanya berjalan baik dan kita dapat melihat hasilnya, ia adalah balasan yang paling baik,” katanya semasa merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Ke-10 di Santubong di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau komited untuk melihat negara memba-

ngun dan makmur di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau yang mengumumkan hasrat untuk berundur selepas Oktober 2002 menambah, seorang pemimpin bukan bekerja untuk dirinya sendiri tetapi apa yang lebih penting, hasil kerjanya memberi kesenangan pada orang lain.

Beliau juga mahu rakyat memahami bahawa beliau bukan seorang pemimpin yang mengejar pangkat atau gelaran.

“Kalau tak panggil Datuk pun tak apalah, panggil Mahathir cukup, saya bukan mengejar gelaran,” ujarnya.

Mengenai tohmahan bersifat peribadi yang dilemparkan terhadapnya, beliau berkata: “Panggil Firaun, diktator dan sebagainya tak apalah. Saya ada kulit tebal... tak lekat, yang paling penting ialah negara kita.”

Beliau turut mencuit perhatian kira-kira 1,200 perwakilan PBB dan pemerhati bahawa jika media asing melabelkannya sebagai diktator, maka beliau ialah seorang diktator yang seringkali dipilih semula untuk memerintah.

“Saya seorang ‘diktator’ yang dipilih lima kali, dan satu-satunya ‘dikta-

tor’ yang meletakkan jawatan sebelum masanya,” kata beliau.

Pada sidang akhbar dalam majlis berasingan, Dr. Mahathir ketika ditanya apakah beliau akan bersara sepenuhnya selepas Oktober 2003, beliau menjawab: “Ya, saya akan bersara, saya dah 77 tahun.”

“Kerja saya ialah duduk di rumah dan membantu parti dan kerajaan jika khidmat saya diperlukan,” katanya.

Beliau juga tidak menolak jika ada jemputan untuk memberi ceramah, satu aktiviti yang telah dilakukan sekarang.